

16 MAR 2004

Pilihan raya-setiakawan

BN PANCAR SEMANGAT SETIAKAWAN PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA

Analisis Berita Oleh: Ahmad Zukiman Mohamed Zain

IPOH, 16 Mac (Bernama) -- Bukan mudah untuk memenuhi kehendak semua orang. Apatah lagi jika perkongsian itu melibatkan bilangan yang besar.

Namun bagi Barisan Nasional (BN), yang menggabungkan 14 parti komponen di seluruh negara, semangat setiakawan dan kerjasama jelas terpancar pada calon-calon yang dikemukakan dalam pilihan raya umum ini.

"Saya tahu bukan senang hendak menama dan menempatkan calon-calon...macam-macam perkara yang perlu dipertimbangkan," kata Perdana

Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada ribuan penyokong parti dalam lawatan setengah harinya ke sini semalam.

Beliau memilih untuk datang ke Perak sebagai negeri pertama yang dikunjunginya setelah tamat hari penamaan calon, Sabtu lepas, untuk mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan parti di peringkat negeri kerana berpegang teguh kepada semangat kerjasama BN.

"Boleh dikatakan, negeri ini sahaja yang ada calon-calon dari semua parti komponen Barisan yang ada di Semenanjung," kata Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN dalam pilihan raya umum setelah mengambil alih jawatan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Perak mempunyai 24 kawasan Parlimen dan 59 kerusi negeri termasuk satu daripadanya -- Pokok Assam yang telah dimenangi tanpa bertanding pada hari penamaan calon.

Atas dasar setiakawan BN, Parti Progresif Penduduk (PPP), walaupun kecil, turut diberikan satu-satunya kerusi Parlimen iaitu di Taiping yang akan ditandingi presidennya Datuk M.Kayveas.

Dua lagi presiden parti komponen BN, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Gerakan) dan Datuk Seri S.Samy Vellu (MIC), bertanding mempertahankan kerusi masing-masing bagi Parlimen Beruas dan Sungai Siput, yang telah lama mereka wakili.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz pula mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kangsar manakala seorang lagi nama handalan BN Setiausaha

Agung MCA Tan Sri Ting Chew Peh bertanding semula di Gopeng.

Sebagai parti yang mewakili pelbagai kaum, adalah penting bagi BN membuktikan keunikannya itu sepertimana dipaparkan dalam manifestonya bertemakan "Cemerlang, Gemilang, Terbilang" yang dilancarkan oleh Abdullah dua hari lepas.

"Barisan Nasional amat unik kerana mewakili semua kaum di Malaysia. Semua pihak mendapat tempat dalam pembangunan Malaysia. Ini menjadikan Barisan Nasional sebagai formula kongsi kuasa politik paling hebat di dunia dan berkesan hingga kini," demikian petikan kata-kata Abdullah yang terkandung dalam manifesto itu.

Berasaskan semangat setiakawan itu jugalah BN menawarkan kepada rakyat terutama 10.28 juta yang layak mengundi pada Ahad ini untuk memberikan mandat yang besar kepadanya bagi membawa negara ke arah kecemerlangan di masa depan.

"Kita adalah satu keluarga yang besar yang mewakili negara, sesuatu yang tidak boleh ditandingi oleh parti-parti pembangkang," kata Dr Ting kepada Bernama hari ini semasa beliau berkempen di Gopeng.

Beliau berkata lawatan Abdullah sendiri mencerminkan semangat BN kerana ia menunjukkan "beliau mengambil berat terhadap semua calon-calon BN".

Abdullah sendiri menyatakan pada perhimpunan itu bahawa setelah keputusan dibuat di kalangan parti-parti komponen mengenai calon yang akan diletakkan di satu-satu kawasan, sokongan perlu diberikan kepada calon berkenaan kerana mereka merupakan calon BN.

Kayveas pula berterima kasih kepada BN kerana menguntukkan kerusi parlimen dan juga negeri di Perak kepada parti PPP dalam semangat gabungan "kongsi kuasa".

"Ia sememangnya memberi PPP kedudukan yang baik dan diharapkan negeri-negeri lain dapat mencontohi Perak," katanya kepada Bernama.

Semangat setiakawan BN itu bukan sahaja diakui parti-parti komponen tetapi turut diidami oleh parti lain seperti Barisan Progresif India pimpinan Datuk M.G.Pandithan yang masih mengharap untuk diterima menganggotai BN.

Parti itu turut menghantar sebahagian anggotanya ke majlis perjumpaan

Abdullah bersama rakyat di Dewan Indera Mulia di sini semalam sebagai tanda sokongan kepada Perdana Menteri.

"Hanya Barisan Nasional yang mengutamakan perpaduan tanpa mengira kaum untuk membolehkan rakyat hidup aman dan damai," kata Pandithan, bekas anggota Parlimen Tapah di Perak, kepada Bernama.

-- BERNAMA

AZZ RR